

18/04/1999

Penyebar khabar angin biadap

MUADZAM SHAH: Mereka yang menyebarkan khabar angin mengenai kesihatan Perdana Menteri dengan cara yang tidak baik, termasuk menghina beliau dianggap biadap, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Khabar angin yang direka itu, kalau didengar menyakitkan hati. Sudahlah tidak betul dan direka pula dengan cara tidak baik. Ini tidak sepatutnya dilakukan oleh sesiapaupun.

"Saya menganggap perbuatan seperti itu adalah biadap," katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Rompin, di sini, petang semalam.

Menurutnya, beliau ingin memaklumkan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah beransur pulih dan boleh dikatakan sudah pulih, cuma perlu kuat lagi supaya dapat balik bertugas, berkhidmat dan terus memimpin.

"Saya sudah menziarahi beliau, menteri Kabinet pun sudah menziarahi beliau dan kelmarin, semua Menteri Besar berbuat demikian kerana masing-masing ingin melihat sendiri keadaan Dr Mahathir.

"Kebolehan beliau untuk bekerja kuat melebihi ramai orang yang umurnya masih muda, komitmen kepada tugas dan tanggungjawab yang dipikulnya, sayangnya kepada bangsanya, cintanya kepada bangsa begitu kuat sekali," katanya.

(END)